

**S18: Apakah pilihan makanan untuk saya berbuka?**

J18: Kurma segar, atau kurma kering, atau air. Kata Anas:

كان رسول الله صلى الله عليه وسلم يفطر على رطبات قبل أن يصلي، فإن لم تكن رطبات فعلى تمرات، فإن لم تكن حسا حسوات من ماء

Rasulu Llah telah berbuka dengan kurma-kurma segar sebelum dia bersalat. Maka jika tidak terdapat kurma-kurma segar, maka dengan kurma-kurma kering. Maka jika tidak terdapat, dia meneguk beberapa tegukan daripada air. [Abi Dawud/ 2356, Al-Albani berkata: Hasan sahijh]

### Menjamu Orang Berbuka

**S19: Saya ingin memberikan makanan. Adakah patut saya berikan untuk berbuka atau moreh?**

J19: Untuk berbuka. Kata Nabi:

من فطر صائما كان له مثل أجره، غير أنه لا ينقص من أجر الصائم شيئا

«Sesiapa yang memberi makanan berbuka kepada orang yang berpuasa, baginya seumpama ganjarannya, melainkan sesungguhnya dia tidak mengurangkan daripada ganjaran orang yang berpuasa itu sesuatu pun» [At-Tirmizi/ 807, dan dia berkata: Hasan sahijh]

### Tarawih

**S20: Adakah saya wajib bersalat tarawih?**

J20: Tidak. Salat malam adalah sunnah sahaja.

**S21: Jika saya ingin bersalat tarawih, berapa raka`at yang perlu saya lakukan?**

J21: Terpulang kepada anda, tetapi hendaklah ia dua raka`at dua raka`at. `Abdu Llah bin `Umar berkata:

أن رجلا سأل رسول الله صلى الله عليه وسلم عن صلاة الليل، فقال رسول الله عليه السلام: صلاة الليل مثنى مثنى، فإذا خشى أحدكم الصبح صلى ركعة واحدة، توتر له ما قد صلى

Bahawa seorang lelaki telah menyoal Rasula Llah tentang salat malam, maka Rasulu Llah berkata: «Salat malam itu dua dua. Maka apabila seseorang daripada kamu takut Subuh, dia bersalat satu raka`at, yang menggantikan apa yang telah dia bersalat» [Al-Bukhariy/ 990]

**S22: Bilakah waktu untuk saya bersalat tarawih?**

J22: Bermula daripada selepas salat `Isya` sehingga terbit fajar, iaitu masuk waktu Subuh.

**S23: Adakah saya rugi jika tidak bersalat tarawih?**

J23: Ya. Kata Nabi:

من قام رمضان إيمانا واحتسابا، غفر له ما تقدم من ذنبه

«Sesiapa yang mendirikan Ramadhan dengan keimanan dan pengharapan, diampunkan baginya apa yang telah berlalu daripada dosanya» [Al-Bukhariy/ 37]

# Risalah Ramadhan رمضان

SMK Desa Kencana (Sekolah Kluster), Lahad Datu, Sabah \* Ramadhan 1432 Hijrah \* Ogos 2011

### Sebelum Ramadhan

**S1: Adakah perlu untuk diadakan tahlil arwah apabila menjelang Ramadhan?**

J1: Tidak. Tidak diriwayatkan sebarang nas atau dalil yang menganjurkan untuk diadakan tahlil arwah apabila menjelang Ramadhan. Ia termasuk dalam amalan karut sesetengah masyarakat, dan hendaklah dihindarkan.

**S2: Adakah saya perlu mandi apabila masuk bulan Ramadhan?**

J1: Tidak. Tidak diriwayatkan sebarang nas atau dalil yang menyuruh untuk mandi apabila tiba bulan Ramadhan. Ia adalah amalan karut sesetengah masyarakat, dan hendaklah dihindarkan.

### Sebelum Berpuasa

**S3: Apakah niat berpuasa?**

J3: Tiada sebarang lafaz niat diriwayatkan dalam nas untuk berpuasa. Cukuplah untuk seseorang mengetahui bahawa Ramadhan telah tiba, dan dia termasuk dalam orang-orang yang diwajibkan berpuasa.

**S4: Adakah saya boleh berpuasa jika saya tidak berniat?**

J4: Boleh, dan wajib untuk anda berpuasa. Tidak berniat bukan alasan, kerana setiap orang yang mukallaf wajib berpuasa apabila tiba Ramadhan.

**S5: Perlukah saya bersahur?**

J5: Ya. Bersahur adalah sunnah Nabi. Kata Nabi:

تسحروا، فإن في السحور بركة

«Bersahurlah, maka sesungguhnya pada sahur terdapat barakah» [Al-Bukhariy/ 1923]

**S6: Jika saya sengaja tidak bersahur, adakah ia menjadi kesalahan?**

J6: Ya. Kata Nabi:

السحور أكله بركة، فلا تدعوه

«Sahur, memakannya adalah barakah, maka janganlah kamu tinggalkannya» [Ahmad/ 11101, disahihkan oleh Al-Arna'ut dan dia berkata: Ini isnad yang dha'if. Dihasankan oleh Al-Albaniy dalam [Sahih Al-Jami'/ 3683]]

**S7: Banyak mana saya perlu makan sahur?**

J7: Terpulang kepada anda. Kata Nabi:

تسحروا ولو بجرعة من ماء

«Bersahurlah walaupun dengan seteguk daripada air» [Ibnu Hibban/ 3476, Al-Albaniy berkata: Hasan sahih. Al-Arna'ut berkata: Isnadnya hasan]

**S8: Bolehkah saya bersahur pada tengah malam sebelum tidur?**

J8: Sahur yang sunnah ialah yang lewat menghampiri waktu azan Subuh. Kata `A`isyah:

أيهما الذي يعجل الإفطار ويؤخر السحور؟

قلت: عبد الله بن مسعود، قالت: هكذا

كان رسول الله صلى الله عليه وسلم يصنع

Siapa di antara mereka berdua

yang mempercepat berbuka dan

melambatkan sahur? Saya

berkata: `Abdu Llah bin Mas`ud.

Dia berkata: Demikianlah yang

Rasulu Llah telah lakukan. [An-Nasa'iy/ 2158, disahkan oleh Al-Albaniy]

**S9: Apakah beza puasa dalam Islam dan agama lain, contohnya Kristian?**

J9: Sahur. Kata Nabi:

فصل ما بين صيامنا وصيام أهل الكتاب،

أكلة السحر

«Pembeza apa yang di antara

puasa kita dan puasa Ahli I-

Kita ialah makan sahur» [Muslim/ 1096]

**S10: Apakah sebaik-baik makanan untuk bersahur?**

J10: Buah tamar atau buah kurma. Kata Nabi:

نعم سحور المؤمن التمر

«Sebaik-baik makanan sahur orang mu'min ialah buah tamar» [Abi Dawud/ 2345, hadis disahkan oleh Al-Albaniy]

**S11: Bilakah saya perlu berhenti daripada makan sahur?**

J11: Apabila terbit fajar, iaitu masuk waktu Subuh. Kata Nabi:

كلوا واشربوا حتى يؤذن ابن أم مكتوم، فإنه لا يؤذن حتى

يطلع الفجر

«Makanlah dan minumlah sehingga Ibnu Ummi Maktum berazan. Maka sesungguhnya dia tidak berazan sehingga terbit fajar» [Al-Bukhariy/ 1918]

### Semasa Berpuasa

**S12: Adakah jika saya berpuasa, saya pasti akan mendapat ganjaran?**

J12: Tidak semestinya. Kata Nabi:

كم من صائم ليس له من صيامه إلا الظمأ

«Berapa banyak daripada orang yang berpuasa, dia tidak mendapat daripada puasanya melainkan dahaga» [Ad-Darimi/ 2720, dihasankan oleh Ibnu Hajar. Al-Albaniy berkata: Isnadnya jayyid]

Kata Nabi juga:

رب صائم ليس له من صيامه إلا الجوع

«Barangkali orang yang berpuasa, tidak baginya daripada puasanya melainkan lapar» [Ibnu Majah/ 1690, Al-Albaniy berkata: Hasan sahih]

**S13: Apakah yang perlu saya jaga semasa saya berpuasa?**

J13: Anda hendaklah menjaga lisan anda daripada berbohong, menipu atau berdusta.

Kata Nabi:

من لم يدع قول الزور والعمل به، فليس لله

حاجة في أن يدع طعامه وشرايه

«Sesiapa yang tidak meninggalkan kata-kata dusta dan beramal dengannya, maka Allah tidak mempunyai hajat untuk dia meninggalkan makanannya dan minumannya» [Al-Bukhariy/ 1903]

### Berbuka

**S14: Apakah bacaan untuk berbuka puasa?**

J14: Tiada bacaan yang sahih. Walau bagaimanapun, terdapat riwayat yang menyebut Nabi membaca:

ذَهَبَ الظَّمَأُ وَابْتَلَّتِ الْعُرُوقُ وَبَثَّتِ

الْأَجْرُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Zahaba z-zama'u, wabtallati l-`uruqu, wasabata l-ajru in sya'a Llah [Abi Dawud/ 2357. Ad-Daraqutniy dan Ibnu Qudamah menyebut isnadnya hasan. Ibnu Hajar dan Al-Albaniy berkata: Hasan.]

اللَّهُمَّ لَكَ صُومْنَا وَعَلَى رِزْقِكَ أَفْطَرْنَا

فَتَقَبَّلْنَا مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Allahumma laka sumna, wa`ala rizqika aftarna, fataqabbal minna, innaka anta s-sami'u l-`alim [Ad-Daraqutniy/ (2/185) hadis no. 26. Didha'ifkan oleh Al-Albaniy]

اللَّهُمَّ لَكَ صُومْتُ وَعَلَى رِزْقِكَ أَفْطَرْتُ

Allahumma laka sumtu, wa`ala rizqika aftartu [Abi Dawud/ 2358. Az-Zahabi berkata dalam Al-Muhazzab (4/1616): Mursal. Al-Albaniy berkata: Dha'if]

**S15: Adakah bagus jika saya sengaja lambat berbuka?**

J15: Tidak. Kata Nabi:

لا يزال الناس بخير ما عجلوا الفطر

«Sentiasa manusia itu dalam kebaikan selama mana mereka menyegerakan berbuka» [Al-Bukhariy/ 1957]

**S16: Apakah makanan yang paling baik untuk berbuka?**

J16: Buah tamar atau kurma. Kata Nabi:

إذا أفطر أحدكم فليفطر على تمر - زاد ابن عيينة - فإنه

بركة فإن لم يجد فليفطر على ماء فإنه طهور

«Apabila seseorang daripada kamu berbuka, maka hendaklah dia berbuka dengan buah tamar» Ibnu `Uyaynah menambah: «Maka sesungguhnya ia adalah barakah. Maka sesiapa yang tidak ada, maka hendaklah dia berbuka dengan air, maka sesungguhnya ia adalah suci» [At-Tirmizi/ 695, dan dia berkata: Hasan sahih]

**S17: Adakah saya perlu berbuka dahulu atau salat Maghrib dahulu?**

J17: Berbuka dahulu. Kata Anas bin Malik:

أن النبي صلى الله عليه وسلم كان لا يصلي المغرب حتى

يفطر ولو كان شربة من ماء

Bahawa Nabi tidak bersalat Maghrib sehingga dia berbuka, walau seteguk daripada air. [Ibnu Khuzaymah/ 2063, disahkan oleh Al-Albaniy]

Artikel ini disediakan oleh:

Mohd `Adlan Bin Mohd Shariffuddin, Panel Hadis www.al-fikrah.net  
E-mel: Adou\_Fr@yahoo.com Laman web: http://ad-diyari.com